

5 terbunuh nahas jalan raya

Sinar 20/11/12 M3 9.

PASIR GUDANG – Lima termasuk seorang kanak-kanak berusia setahun terbunuh dalam satu kemalangan yang melibatkan tiga kereta dan sebuah motosikal di Jalan Masai Kong-Kong selepas simpang tiga Taman Zamrud, di sini, kira-kira jam 9 malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintendan Mohd Roslan Zainuddin berkata, kejadian dipercayai berpunca apabila motosikal ditunggangi V Sadhees, 23, dari arah Taman Kota Masai cuba memotong di garisan berkembar lalu bertembung dengan sebuah kereta Perodua Kembara.

Menurutnya, rempuhan kuat itu menyebabkan kereta dipandu S Varathan, 35, bersama dua penumpang, S Sivakumar, 40, dan Mohd Ismail Abd Rahman, 46, hilang kawalan lalu masuk ke laluan bertentangan.

"Kenderaan terbabit kemudiannya merempuh kereta Perodua Viva yang dipandu Aziz Yakub, 33, bersama isterinya, Nurul Hafizah Mohamed, 30, dan anaknya, Muhammad Daniel Syafiq Aziz, setahun.

"Sebuah lagi Perodua Viva dipandu lelaki berusia 30-an berada di belakang kereta dipandu Aziz gagal mengelak dan melanggar kenderaan dinaiki tiga beranak berkenaan," katanya.



SADHEES

VARATHAN

SIVAKUMAR

Keadaan Perodua Kembara (kiri) dan Perodua Viva yang terlibat dalam kemalangan sehingga mengorbankan lima nyawa, malam kelmarin.

Mohd Roslan berkata, tiga lelaki yang menaiki kereta Perodua Kembara dan seorang penumpang motosikal mati di tempat kejadian, manakala kanak-kanak lelaki yang cedera parah meninggal dunia di Hospital Sultan Ismail (HSI).

"Bapa kanak-kanak terbabit hanya mengalami cedera ringan, tapi ibunya masih dirawat di HSI dan seorang lagi pemandu Perodua Viva tidak mengalami sebarang kecederaan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987," katanya.

Katanya, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung kejadian itu diminta untuk menghubungi mana-mana balai polis berhampiran bagi membantu siasatan.

Sementara itu, saudara Mohd Ismail, Abu Bakar Abdullah, 42, berkata, mangsa bekerja sebagai kelindan lori menaiki kereta bersama dua rakannya dari Ulu Tiram ke Pasir Gudang.

Menurutnya, ketika kali terakhir bertemu pada Hari Raya Aidiladha lepas, mangsa beria-ia memohon maaf dengan semua saudaramara di rumah di Ulu Tiram.

"Kami hairan dan apabila kami bertanya, dia kata sudah sampai masanya dia akan pergi jauh tapi tak tau ke mana.

"Kami tak sangka rupanya dia akan meninggalkan kami buat selama-lamanya," katanya.